

25 SEP 2001

Sarawak-Budaya

PERTEMBUGAN BUDAYA DALAM PILIHANRAYA SARAWAK

Oleh: Azman Ujang

KUCHING, 25 Sept (Bernama) -- Sarawak lazimnya bebas daripada drama yang sering mewarnai politik tanah air.

Itulah sebabnya kebanyakan pilihanraya negeri itu mudah untuk diramalkan sehingga kadangkalanya ia menjadi kurang menarik.

Bagaimanapun menjelang pengundian Khamis ini, terdapat trend baru yang muncul dalam bentuk kempen oleh parti-parti dan calon mereka serta kandungan isu yang dibangkitkan.

Biasanya pilihanraya Sarawak melibatkan isu yang hanya berkaitan dengan negeri itu dan penduduknya tetapi kali ini, parti-parti dari Semenanjung yang menurunkan ramai calon, telah "mengeksport" politik nasional ke kampung dan rumah panjang di sini.

Ucapan berapi-api khusus daripada penceramah Pas dan Parti Keadilan Nasional nampaknya menarik minat orang ramai tetapi seperti juga di Semenanjung, ia lebih kerana nilai hiburannya.

Walaupun penceramah pembangkang mampu memikat pendengar, adakalanya kejahilan mereka tentang budaya politik tempatan, boleh memakan diri.

Apabila penulis ini tiba di sebuah rumah panjang Iban di kawasan Sadong Jaya, satu jam perjalanan dari sini pada Jumaat lepas, dia diberitahu bahawa petugas kempen Pas dilarang menyebarkan corak politik mereka di kalangan Iban di situ.

Seorang bekas kakitangan awam, Sili anak Temenggong Bungsi, secara terus terang memberitahu pemberita ini dalam bahasa Iban : "Enti nuan ari Pas kami endak benar nuan masuk " (Jika kami dari Pas, kamu tak boleh masuk).

Katanya Pas membawa masuk "budaya asing" ke Sarawak, lalu menceritakan satu kejadian pada hari penamaan calon 18 Sept lepas.

Sili berkata penyokong calon Pas Adam Ahid menengking kepada penyokong-penyokong BN serta membangkitkan isu-su sensitif menyebabkan pergaduhan hampir berlaku sehingga polis terpaksa masuk campur.

Rumah panjang itu telahpun mengusir dua kumpulan petugas kempen Pas dari Kedah dan Kelantan.

"Mereka memakai ketayap dan berlagak merendah-rendahkan kami. Kami tahu siapa mereka kerana beberapa bulan lepas mereka juga datang ke rumah panjang kami.

"Malahan seorang daripada mereka memakai sarung tangan semasa bersalaman dengan kami, seolah-olah kami ini kotor," kata Sili.

Dalam kawasan-kawasan Melayu, penceramah Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) lebih sopan berbanding mereka daripada Keadilan, sehingga pemimpin Melayu berpengaruh Datuk Abang Johari Tun Openg, melahirkan rasa bimbangannya melihat kelakuan mereka dan penyokong mereka.

Abang Johari, calon BN di Satok yang meliputi kawasan perniagaan dan beberapa perkampungan Melayu di bandar ini, berkata beliau terkejut pada hari penamaan calon melihat penyokong-penyokong Keadilan memakai lilitan kepala seperti penunjuk perasaan di Jakarta.

"Perkara ini tidak pernah berlaku di Sarawak," katanya kepada Bernama.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud pula melahirkan rasa kecewanya terhadap amalan "politik samseng".

Dalam satu ceramah malam tadi, beliau menceritakan mengenai satu kejadian semasa berkempen dalam pilihanraya Parlimen 1999 apabila beliau dibaling batu oleh kanak-kanak.

"Kanak-kanak berusia antara enam dan tujuh tahun diajar baling batu kepada saya dan helikopter yang saya naiki," katanya sambil menyifatkan

perbuatan itu sebagai "kurang ajar" akibat teladan daripada ahli-ahli politik yang tidak menghormati budaya tempatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berada di Sarawak semalam, juga berkata beliau kecewa dengan budaya tidak sihat yang dibawa oleh Parti Keadilan dan Pas.

"Sebelum ini pilihanraya Sarawak dijalankan secara aman serta tenang dan bukannya kasar," katanya.

Pertembungan budaya politik ini nampaknya mewarnai pilihanraya kali ini.

-- BERNAMA

AU MAI